

## MERT-UMS, UMS 4WDVC Jayakan Ekspedisi WRS CSR 4x4 Di Kg. Rundum, Tenom

Terakhir dikemaskini: Rabu, 27 September 2017 16:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 676

Tweet

Share



SELASA, 26

**SEPTEMBER** - Pasukan Medical Emergency Response Team, Universiti Malaysia Sabah (MERT-UMS) dengan kerjasama Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS (UMS4WDVC) menjayakan Ekspedisi WRS CSR 4x4 bertempat di Kampung Rundum, Kemabong Tenom baru-baru ini.

Menurut penyelaras konvoi, Hasmi Hashim, penyertaan konvoi UMS atas jemputan pihak WRS melibatkan sejumlah enam buah kenderaan pacuan empat roda milik ahli kelab UMS4WDVC yang diketuai Presidennya, Prof. Dr. Shahril Yusof.

Keenam-enam buah kenderaan tersebut katanya telah membawa pasukan MERT-UMS yang terdiri daripada dua doktor pakar, seorang penolong pegawai perubatan dan tiga jururawat berserta ubat-ubatan dan peralatan perubatan ke kampung itu bagi menempuh perjalanan "offroad" yang agak mencabar.

"Setibanya di Kampung Rundum, pelbagai aktiviti dijalankan pasukan konvoi UMS, antaranya pemeriksaan kesihatan kepada lebih 80 penduduk kampung, serta pemberian ubat-ubatan secara percuma.

"Di samping itu, turut diadakan kelas memberus gigi dengan teknik yang betul dan pemberian berus gigi percuma sumbangan Pengerusi MERT-UMS, Prof. Madya Dr. Khin Maung Ohn @ Arif kepada lebih 30 kanak-kanak kampung ini," katanya.

Tambah Hasmi, ahli kelab UMS4WDVC juga telah memberikan sumbangan makanan ringan kepada kanak-kanak berkenaan.

Sementara itu, Prof. Dr. Shahril yang juga merupakan ketua konvoi tersebut merakamkan penghargaan kepada Presiden Kelab WRS, Thompson Teo atas jemputan untuk melibatkan pasukan UMS dalam program berbentuk

tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut.

“Program sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada sumbangan UMS kepada masyarakat pedalaman Sabah,” ujar beliau.

Ketua Kampung Rundum, Upas Uring turut menyampaikan penghargaan kepada konvoi UMS yang sudi menghulurkan bantuan perubatan secara percuma kepada penduduk kampung, serta berharap agar aktiviti seperti ini akan dilaksanakan lagi pada masa akan datang.